



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**


**28 NOVEMBER 2021**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 408 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 232,490 kes. Sebanyak dua (2) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu masing-masing satu (1) kes di Kota Marudu dan Keningau. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
  
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 555 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 221,928 orang. Manakala 1,465 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 627 orang di hospital, 819 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 18 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara dan satu (1) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 75 orang merangkumi 70 di ICU/repurposed kritikal care serta lima (5) di *open ward (HDW/kubikel akut* dan 25 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage empat (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 47 (24.61%)*.

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon dicatatkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning tiga (3) daerah.
- Zon Jingga satu (1) daerah.
- Zon Merah 23 daerah.

## 5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

### i. Kedudukan Kes Positif COVID-19

- a. Secara keseluruhan kes-kes di Sabah meneruskan trend menurun dengan jumlah kes baharu hari ini sebanyak 408 kes. Ini merupakan penurunan 30 kes berbanding jumlah kelmarin.
- b. Kota Kinabalu kekal daerah yang mencatatkan jumlah kes baharu yang tertinggi di Negeri Sabah. Jumlah kes di Kota Kinabalu hari ini ialah 88, pertambahan 7 kes berbanding sebelumnya. Terdapat 12 kes baharu daripada Kluster Lautan Biru Pantai dan 10 kes yang melibatkan OKT.
- c. Sebanyak 13 daerah mencatatkan penurunan dengan dua daripadanya menunjukkan penurunan dua angka iaitu Kota Belud -15 kes dan Beaufort -10 kes. Sebanyak 11 daerah pula mencatatkan peningkatan kes termasuk Tuaran yang mencatatkan peningkatan +12 kes. Tiga daerah kekal sebagaimana catatan semalam. Daerah Semporna, Kunak dan Nabawan tidak mencatatkan sebarang kes baharu (sifar).
- d. Lebih 98% daripada 408 kes di Sabah hari ini adalah dalam Kategori 1 dan 2 yang hanya memerlukan rawatan dan pemantauan di rumah atau di PKRC sahaja. Tidak ada pesakit dalam Kategori 3, seorang dalam Kategori 4 dan dua orang dalam Kategori 5. Lima pesakit masih dalam penilaian lanjut JKNS.
- e. Pengisytiharan Wilayah Persekutuan Labuan kembali kepada zon merah adalah satu peringatan kepada semua penduduk di Negeri Sabah bahawa trend jangkitan boleh bertukar sekelip mata sekiranya kita lalai dan alpa mematuhi SOP.
- f. Jumlah kes yang melambung tinggi akan membantut dan melambatkan usaha kita kembali kepada kehidupan seharian yang hampir normal seperti sebelumnya. Pelbagai langkah dan kawalan terpaksa dilaksanakan semula bagi mengawal dan mengurangkan jangkitan daripada terus bertambah. Sikap kita sendiri lah yang menentukan sejauh mana dan secepat mana kita boleh kembali kepada kehidupan “normal”.

g. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (213) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Kategori Saringan</b>	<b>Bilangan Kes</b>	<b>Peratusan</b>
1	Kluster	12	2.94%
2	Bergejala	144	35.29%
3	Kontak	213	52.21%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	39	9.55%
<b>JUMLAH</b>		<b>408</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (27 November 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 27/11/2021	Catatan Kes 28/11/2021	Perbandingan
1	Tuaran	48	60	+12
2	Kota Kinabalu	81	88	+7
3	Pitas	1	7	+6
4	Penampang	33	38	+5
5	Tambunan	3	6	+3
6	Tongod	0	3	+3
7	Telupid	0	3	+3
8	Papar	23	25	+2
9	Sandakan	6	7	+1
10	Lahad Datu	5	6	+1
11	Kalabakan	0	1	+1
12	Sipitang	8	8	Mendatar
13	Semporna	0	0	Mendatar
14	Nabawan	0	0	Mendatar
15	Kota Belud	48	33	-15
16	Beaufort	19	9	-10
17	Keningau	19	10	-9
18	Kuala Penyu	18	11	-7
19	Beluran	19	14	-5
20	Putatan	19	14	-5
21	Tawau	10	5	-5
22	Ranau	29	25	-4
23	Kudat	12	8	-4
24	Kinabatangan	11	7	-4
25	Tenom	10	6	-4
26	Kota Marudu	15	14	-1
27	Kunak	1	0	-1
<b>JUMLAH</b>		<b>438</b>	<b>408</b>	<b>-30</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (14 November – 27 November)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	12	37	22	0	17	88	1188
Tuaran	0	47	12	0	1	60	754
Penampang	0	17	21	0	0	38	507
Kota Belud	0	22	10	0	1	33	582
Ranau	0	14	9	0	2	25	499
Papar	0	8	16	0	1	25	405
Putatan	0	7	7	0	0	14	225
Beluran	0	13	1	0	0	14	114
Kota Marudu	0	5	9	0	0	14	364
Kuala Penyu	0	10	1	0	0	11	139
Keningau	0	2	5	0	3	10	246
Beaufort	0	3	4	0	2	9	347
Kudat	0	1	6	0	1	8	182
Sipitang	0	1	7	0	0	8	144
Kinabatangan	0	5	2	0	0	7	164
Sandakan	0	3	1	0	3	7	134
Pitas	0	1	2	0	4	7	78
Tenom	0	4	2	0	0	6	286
Lahad Datu	0	0	4	0	2	6	74
Tambunan	0	4	2	0	0	6	136
Tawau	0	4	0	0	1	5	121
Tongod	0	3	0	0	0	3	61
Telupid	0	1	1	0	1	3	83
Kalabakan	0	1	0	0	0	1	12
Kunak	0	0	0	0	0	0	14
Nabawan	0	0	0	0	0	0	27
Semporna	0	0	0	0	0	0	10
<b>JUMLAH</b>	<b>12</b>	<b>213</b>	<b>144</b>	<b>0</b>	<b>39</b>	<b>408</b>	<b>6,896</b>

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Kota Kinabalu	Kluster Lautan Biru Pantai	12
<b>Jumlah</b>		<b>12</b>

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 4,826 unit

- Hospital 1,365 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,971 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 462 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 30.36%.

## B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 28 NOVEMBER 2021

### i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	393
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	3
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	12
<b>Jumlah</b>	<b>408</b>

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
Sri Lanka	1
China	1
Singapura	1
<b>Jumlah</b>	<b>3</b>

### ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	398
Bukan Malaysia	10
<b>Jumlah</b>	<b>408</b>

### iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	73
Belum Menerima Vaksin	47
Menerima 1 Dos	1
Lengkap 2 Dos	287
<b>Jumlah</b>	<b>408</b>

### iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	4
1 to 5	26
6 to 11	43
12 to 17	19
18 to 25	57
26 to 59	221
>60	38
<b>Jumlah</b>	<b>408</b>



## **C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 27 November 2021 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 4,207 orang. Daripada jumlah ini, seramai 3,840 orang adalah penduduk dewasa dan 367 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 27 November 2021 adalah seramai 2,439,582 orang. Ini meliputi 2,105,749 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.34% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,389,066 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,082,283 orang atau 75.49% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 333,833 orang atau 76.92% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 306,783 atau 70.69% orang setakat ini.

## **D BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Setakat hari ini, sejumlah **677,333** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

## **E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 11 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 7,986 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 57 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Tiada kompaun melanggar SOP COVID-19 dikeluarkan di seluruh Sabah.
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 97 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 42 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.

- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
  - i Sebanyak 1,640 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada notis/kompaun dikeluarkan pada hari ini.
  - ii DBKK telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 285 premis perniagaan dan 353 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 238 Premis Perniagaan melibatkan 151 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 144 anggota di 222 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di tiga (3) premis, melibatkan tiga (3) buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 55 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di tiga (3) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 143 hebahan di seluruh Sabah.

**F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4**

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.5%** Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PERATUS</b>
1	Semporna	98.6%
2	Kota Marudu	98.6%
3	Sandakan	98.6%
4	Beaufort	98.6%
5	Beluran	98.6%
6	Kudat	98.6%
7	Keningau	98.6%
8	Kota Kinabalu	98.6%
9	Kota Belud	98.5%
10	Tenom	98.5%
11	Kunak	98.5%
12	Papar	98.5%
13	Penampang	98.5%
14	Sipitang	98.5%
15	Tawau	98.5%
16	Tuaran	98.5%
17	Ranau	98.5%
18	Kinabatangan	98.5%
19	Lahad Datu	98.5%

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#SabahMajuJaya**

**#MalaysiaPrihatin**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**